

AAB

Mahathir - Bosnia

TENTERA MALAYSIA BERHAK BERADA DI BOSNIA-HERZEGOVINA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Malaysia berhak untuk terus menempatkan anggota tenteranya di Bosnia-Herzegovina walaupun beberapa negara lain yang turut menempatkan tentera mereka di negara itu ingin menarik balik anggota tentera mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, negara-negara berkenaan mahu berbuat demikian kerana khawatir kemungkinan berlaku peperangan menyeluruh di republik bekas Yugoslavia itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak boleh dinafikan haknya untuk terus berada di negara Balkan itu.

"Hanya yang kita khawatir ialah kelenyapan (senjata) yang ada pada pasukan kita begitu kurang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah Johan Kemahiran Malaysia Kelima di Maktab Perquruan Teknik Cheras, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan seorang pegawai kanan Pasukan Perlindungan Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR) bahawa beberapa buah negara bersedia menarik keluar unit-unit pengawas keamanan mereka dari Bosnia dalam menghadapi kemungkinan meletusnya perang menyeluruh di negara itu.

Malaysia kini menempatkan seramai 1,500 orang anggota tentera di Bosnia-Herzegovina dibawah UNPROFOR. -- Lagi.

15/08/20-01MST

U GB 15-00 00158 BB403

AAB

Mahathir - Bosnia 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Saya berpendapat bahawa orang yang lari kerana takut mereka tercedera dalam perang lebih baik awal-awal lagi tak usah cakap pasal hak asasi manusia dan hendak tolong orang kerana jika mereka berundur bermakna mereka mahu menyerahkan orang Islam Bosnia disembelih pengqanas Serb Bosnia.

"Inilah tujuan mereka sebagai satu ugutan kepada orang Islam Bosnia supaya terima apa yang pengqanas Serb minta...sebab itu bila pengqanas Serb serang, mereka undur," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai cadangan PBB supaya Malaysia membeli senjata berat daripada negara lain untuk memperlengkapkan anggota tenteranya di Bosnia dan PBB membayar balik kepada kerajaan Malaysia kemudian, beliau berkata, ia boleh dilakukan jika PBB benar-benar akan membayar balik.

Beliau berkata, terdapat negara-negara anggota PBB yang belum lagi membayar caruman kepada PBB.

"Ini negara yang kononnya kaya raya tetapi caruman kepada PBB mereka tidak bayar," kata beliau. -- Bernama.

ES KAM.

15/08/20-03MST